

## KEPENTINGAN PRINSIP PENGURUSAN ISLAM DALAM KALANGAN GURU-GURU DI MITS SELANGOR

**\*Ainul Hayat Abdul Rahman**

**Fakhri Sungit**

**Zetty Nur Zuliana Rashed**

Fakulti Pendidikan,

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

*\*aienul209@gmail.com*

### ABSTRACT

The concept of Islamic management is a comprehensive and systematic management system based on the Quran and Sunnah. This is because the management principles are clear and have a detailed element of supervision and have a solid foundation in obtaining the pleasure of Allah. Approach to applying the principles of Islamic management in school's management can be considered as one of the excellent measures to ensure the smooth process of administrative management in schools. Thus, this study aims to identify programs that apply the principles of Islamic management, determining the practice of Shura in applying the principles and to recognize the efforts of management in improving the integrity of teachers at MITS. The design of this study used a descriptive qualitative method. These data were obtained through semi-structured interview methods as well as document analysis. The data were analysed using the Nvivo 12 Pro application. A total of two senior assistant teachers in two MITS Selangor were selected as study participants through purposive sampling method. This study found that the teachers have a clear understanding of the practice of governance management in MITS Selangor and can apply the principles of Islamic management in school administration. The Islamic management system needs to be further expanded because of its importance to society and the Islamic world, also as a complement to all existing systems as well as the main guide for those who seek the suitability of the system that can lead to harmony and mankind well-being.

*Keywords: Islamic management, management theory, principles of Islamic management*

### PENGENALAN

Islam telah memainkan peranan yang penting dalam merangkumi hampir kesemua keperluan hidup manusia yang meliputi keagamaan, akhlak, sosial, budaya politik, keilmuan dan khususnya terhadap aspek pengurusan dan pentadbiran bagi sesebuah organisasi. Pengurusan pentadbiran sekolah seharusnya berlandaskan garis panduan yang ditetapkan oleh ajaran Islam. Ini kerana prinsip pengurusan Islam mempunyai maksud dan konsep sebenar tentang hubungan manusia dengan yang maha pencipta. Ini juga sangat penting kerana ia merupakan landasan keabadian bagi seseorang muslim. Islam tidak hanya datang dengan teori sahaja akan tetapi Islam datang dengan membawa petunjuk yang jelas kerana sifat Islam itu sendiri merupakan sesuatu yang praktikal.

Sistem pengurusan Islam perlu diperkenalkan secara holistik kepada masyarakat Islam dan dunia Islam secara khususnya sebagai pelengkap kepada semua sistem yang ada serta sebagai pelengkap kepada semua sistem yang membawa kepada kesejahteraan hidup yang harmoni. Sumber pengurusan dan pentadbiran Islam telah lama wujud dalam bentuk primer dan bentuk sekunder yang bertunjangkan syariah Islam (al-Buraey, 1990). Sumber primer meliputi al-Quran dan sunnah yang bersifat muktamad dan tidak berubah manakala bagi sumber sekunder pula meliputi ijihad para ulama' Islam terdahulu, dokumen, monumen, matawang dan tulisan-tulisan ulama' Islam (Azarudin dan Azman 2012).

Konsep ajaran Islam melalui al-Quran adalah sangat mengutamakan urus tadbir dalam sesebuah organisasi terutamanya di sekolah secara berkualiti dan berkesan dari segi aspek pengeluaran sumber manusia atau perkhidmatan yang terbaik supaya dapat memberi sumbangan yang bermanfaat secara keseluruhannya kepada semua pihak (Hasan et al 2015). Sistem pengurusan yang berteraskan al-Quran dengan iringan sunnah Rasulullah SAW melalui integrasi ilmu saintifik yang moden dapat mewujudkan sebuah sistem pengurusan organisasi urus tadbir yang sistematik berkualiti dan cemerlang secara keseluruhannya.

Prinsip-prinsip asas dalam sistem pengurusan Islam telah terbukti memberi impak positif terhadap pengurusan, perancangan, pengawalan atau penilaian majikan dalam sesebuah organisasi ataupun kepada para pekerja bawahan (Hasan et.al, 2013). Selari dengan kepentingan dalam pengurusan Islam, maka prinsip dan penghayatan nilai Islam yang mendalam terhadap institusi pendidikan Islam terutamanya perlu diwujudkan bagi melancarkan sistem pengurusan Islam dalam urus tadbir disekolah berlandaskan prinsip pengurusan Islam yang sistematik dan berjalan lancar.

## **PENYATAAN MASALAH**

Dunia pengurusan kini terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya kepada setiap majikan yang perlu melayani kerenah pekerjaannya terutamanya dalam sesebuah organisasi pentadbiran (Hasan et al, 2013). Setiap pekerja atau ahli organisasi pentadbiran perlu diambil berat oleh pihak pengurusan agar mereka sentiasa berpuas hati dan seronok dalam melakukan tugas yang diamanahkan dengan sebaik mungkin (Chen, 2006). Kualiti pendidikan tidak hanya berkait dengan kualiti pengajaran, kesediaan murid untuk belajar akan tetapi turut dipengaruhi dengan faktor bagaimanakah sistem pendidikan yang berkualiti boleh diwujudkan melalui pengurusan pendidikan yang bukan hanya berkesan dan lancar (Wan Ezeilia, 2014).

Oleh itu, para sarjana Islam mula mengorak langkah dengan melakukan beberapa kajian yang berkaitan dengan sistem pengurusan dan pentadbiran yang melaksanakan prinsip-prinsip dan penghayatan nilai Islam yang disarankan dalam sistem pengurusan Islam (Hasan et al, 2013). Dengan menghayati konsep pengabdian diri kepada Allah, setiap individu itu tidak akan berani melakukan kerosakan dan penyelewangan kerana takut akan azab dan balasan Allah di akhirat. Pelaksanaan prinsip pengurusan Islam terhadap pentadbiran di sekolah dapat memberikan implikasi dalam kalangan guru-guru di sekolah.

Namun begitu terdapat segelintir dalam kalangan guru yang kurang bermotivasi tinggi, dan kurang menghayati peranan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang guru. Menurut hasil kajian yang dijalankan oleh Qusayla (2021), pihak pengurusan sekolah menghadapi pelbagai cabaran, karehah guru serta terdapat guru yang sambil lewa terhadap tugas mereka terutamanya guru baru. Oleh itu, pelaksanaan dalam meningkatkan kualiti kerja guru perlu selaras dengan prinsip Islam yang mana menenankan tentang prinsip kesempurnaan (al-itqan), inovasi (al-ibda) serta pembaharuan (Tajdid). (Hairunnizam et al 2001).

Pelaksanaan prinsip Islam dalam pengurusan pentadbiran terutamanya dalam organisasi sekolah perlu dilaksanakan. Hal ini kerana terdapat banyak gejala kritis etika melanda negara-negara maju dan di Malaysia juga turut tidak ketinggalan. Hal ini telah terbukti oleh dapatan kajian yang mengenai isu moral dan kepimpinan serta gejala krisis nilai (Hairunnizam et al 2001). Oleh yang demikian, perkara ini menjadi tanggungjawab semua pihak seperti kerajaan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), pentadbiran sekolah serta guru-guru untuk melakukan langkah-langkah pembaharuan dalam pengurusan pentadbiran terutamanya dalam pengurusan di sekolah agar selaras dengan konsep Islam bagi mengatasi setiap permasalahan yang berlaku.

Kepimpinan pengurusan dalam urus tadbir di sekolah didapati hanya mengarah atau bersikap autokratik tanpa mengamalkan syura sehingga menurunnya tahap komitmen kerja dalam organisasi pentadbiran yang seharusnya menjadi keutamaan bagi mewujudkan prestasi pendidikan yang cemerlang (Suhana 2017). Melalui kajian yang dilakukan oleh Morsidi et al (2004), terdapat beberapa permasalahan yang serius mengenai kurangnya sikap kerjasama dan kurangnya komitmen kerja dalam organisasi pentadbiran. Hal ini berpunca apabila tiadanya amalan syura yang sistematik dalam melakukan sesuatu keputusan.

Tahap kesedaran mengenai pentingnya amalan syura didapati kurang pengamatan dan memberi kesan yang negatif dalam melibatkan kepimpinan organisasi sekolah terhadap persefahaman di antara ahli yang terlibat. Hal ini dapat dilihat dari kajian yang dilakukan oleh Abdul Kudus (2007) iaitu sebahagian dalam kalangan guru sekolah menengah di negeri Johor mengaku bahawa tahap kesefahaman mereka adalah sederhana. Hasil daripada analisis kajian turut menunjukkan bahawa pengetua tidak memberi motivasi bimbingan serta latihan bagi menerapkan persefahaman yang kuat di antara mereka.

Seterusnya, hasil dapatan kajian yang ditemui oleh daripada Aminah et al (2003) mendapati bahawa guru-guru sendiri yang kadang kala dapat menjadikan pelajar tersebut hilang sifat disiplin. Sebagai seorang guru yang berintegriti dan amanah perlu sedar bahawa maruah guru dan profesion keguruan terletak dalam tangan guru itu sendiri (Azlina 2008). Selain itu, masalah integriti ini boleh juga disebabkan bebanan tugas guru yang dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran dan kokurikulum di sekolah (Su'adah 2014).

Tugas kerja guru kini semakin penting kerana sektor bidang pendidikan memberi sumbangan yang besar dalam membentuk kejayaan sesebuah negara (Salmezi 2013). Apabila nilai integriti tidak dapat dikuasai dengan jayanya, hal ini akan membawa kepada permasalahan semasa proses PdPc berlaku. Sekiranya guru tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dengan ikhlas, amanah dan jujur, negara akan kehilangan daya saing yang tinggi dan kualiti keguruan yang menurun. Oleh yang demikian, pelaksanaan prinsip pengurusan Islam perlu diterapkan dalam pengurusan pentadbiran di sekolah agar dapat menentukan halatuju dan kejayaan yang cemerlang dunia akhirat.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti program-program yang menerapkan prinsip pengurusan Islam di Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) Selangor dalam mewujudkan suasana biah solehah di sekolah tersebut. Kajian ini juga turut mengenalpasti amalan syura yang diamalkan dalam pengurusan urus tadbir di sekolah serta memahami usaha-usaha pihak pengurusan pentadbiran sekolah dalam meningkatkan integriti guru di MITS Selangor.

## OBJEKTIF

1. Mengenalpasti program-program yang menerapkan prinsip pengurusan Islam di MITS Selangor.
2. Mengenalpasti amalan syura dalam menerapkan prinsip pengurusan Islam di MITS.
3. Memahami usaha pihak pengurusan dalam meningkatkan integriti guru di MITS Selangor.

## SOROTAN KAJIAN

### *Pengurusan Islam*

Pengurusan dalam Islam meletakkan perhatiannya kepada semua aspek dalam memberi kesan kepada amalan pengurusan sama ada ia bersifat dalaman mahupun bersifat luar daripada organisasi. Menurut Ibrahim (1991), terdapat beberapa keistimewaan bagi teori pengurusan dalam Islam iaitu pengurusan Islam mengambil kira hubungan etika pekerja dengan cara hidup bermasyarakat. Tambahan lagi, ia turut menitikberatkan ciri-ciri kemanusiaan dan kerohanian di samping menghormati manusia sebagai individu yang turut terlibat dalam pengurusan mengikut keupayaan yang ada pada mereka dari segi keupayaan akal fikiran, fizikal dan juga kejiwaan.

Pengurusan dalam Islam merupakan kemampuan dalam menggunakan sumber alam sama ada ia berbentuk kemanusiaan atau kebendaan yang dikurniakan oleh Allah (Ibrahim, 1991). Pengurusan menurut perspektif Islam juga merujuk kepada sebahagian daripada kebaikan kepada manusia dan pengabdian diri kepada Allah. Ini bermaksud ianya harus memenuhi tuntutan dua pihak di antara keperluan manusia dan keredhaan Allah (Siddiq, 2005). Kecekapan dalam sesebuah pentadbiran akan menyumbang kepada pencapaian matlamat dan organisasi (Morphet et al, 1982).

Teori pengurusan berlandaskan konsep Islam bukan lah sesuatu perkara yang baru untuk di perbahaskan. Namun begitu, ia tidak digubal dan di gagaskan secara rasmi dan tersusun. Teori, konsep asas dan prinsip Islam sudah lama wujud. Hal ini kerana, ia telah lama dilaksanakan oleh para Nabi dan Rasul yang terdahulu sehingga merangkumi zaman khulafa' ar Rasyidin dan seterusnya hingga abad ke 21. Menurut Dr Ugi Suharto (2000), beliau menjelaskan bahawa konsep asas dalam pengurusan Islam boleh didapati dalam pelbagai bentuk sumber rujukan dan ia tidak wujud dokumentasi yang lengkap mengenainya.

Hal ini dapat dilihat berpandukan al-Quran dan Sunnah serta teori-teori ini diaplikasikan tanpa wujudnya sistem pengurusan lengkap yang digubal oleh tokoh-tokoh sarjana yang terdahulu. Sistem pengurusan Islam ini dapat dirujuk dengan pelbagai bentuk dari sumber al-Quran sehinggalah kupasan, huraian dan coretan buku-buku dari ulama' mutakhir. Pada awal abad ke 7 lagi telah muncul ramai tokoh-tokoh yang membicarakan isu yang berkaitan dengan pentadbiran negara yang berteraskan konsep pengurusan Islam.

Konsep pengurusan Islam amat berbeza dengan konsep umum dalam pengurusan. Hal ini kerana, ia merupakan konsep pengurusan yang berlandaskan kepada pengertian bahawa seseorang manusia itu merupakan khalifah Allah yang berperanan sebagai pengurus khazanah Allah. Ini menunjukkan bahawa secara fitrahnya semua manusia adalah berpotensi sebagai pengurus khazanah Allah (Bakir & Khadijah, 2009). Secara umumnya, pengurusan Islam merupakan sistem organisasi yang berdasarkan paradigma tauhid yang menekankan keseimbangan dan kesepaduan di antara tuntutan dunia dan akhirat (Asmahan et.al, 2014).

### *Prinsip-Prinsip Pengurusan Islam*

Secara hakikatnya, pengurusan Islam adalah merupakan terjemahan kepada “kerajaan Islam” atau pemerintahan Islam. Pengurusan Islam mampu menangani cabaran dan realiti pada masa sekarang dan akan datang. Prinsip-prinsip asas dalam sistem pengurusan Islam telah terbukti memberi impak positif terhadap pengurusan, perancangan, pengawalan atau penilaian majikan dalam sesebuah organisasi ataupun kepada para pekerja bawahan (Hasan et.al, 2013). Oleh itu, prinsip bagi sesebuah “Negara Islam” akan melibatkan beberapa prinsip utama yang telah ditetapkan seperti berikut:

#### **1) *Ubudiyah***

Prinsip *Ubudiyah* adalah merujuk kepada sifat pengabdian diri seseorang manusia dengan seikhlasnya kepada Allah S.W.T. Islam mempunyai konsep dan pengertian sebenar tentang hubungan manusia dengan Allah S.W.T. Menurut kenyataan Ibrahim (1991), beriman dengan keesaan Allah S.W.T adalah merupakan landasan keabdian dalam diri seseorang muslim. melalui konteks organisasi pentadbiran, prinsip *ubudiyah* ini dapat mencorakkan pembentukan individu dan juga membentuk hala tuju serta budaya organisasi tersebut. Di antara perkara penting yang berhubungan di antara organisasi dan konsep *ubudiyah* adalah matlamat dan hala tuju organisasi perlu seiring dengan konsep pengabdian diri kepada Allah S.W.T agar ianya selaras dengan matlamat yang ingin diperolehi dalam sistem pengurusan Islam.

Budaya yang wujud dalam setiap organisasi perlu disokong dengan pengabdian diri kepada Allah S.W.T. Jika difahami dengan teliti tentang konsep *ubudiyah*, ianya memberikan kesan yang positif kepada pembentukan watak sesebuah organisasi serta budaya yang diwujudkan. Ini akan menjadikan mereka seorang yang cakna dengan arahan dan larangan agama. Ini menunjukkan bahawa agama Islam menjadi prinsip atau nilai utama dalam sesebuah organisasi.

#### **2) *Syura***

*Al-Syura* merupakan prinsip pengurusan Islam yang kedua dan merupakan elemen yang dianggap penting dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana kepentingannya telah dinyatakan dengan terperinci di dalam al-Quran dan ianya turut dikukuhkan lagi dengan sunnah Rasulullah SAW. Antara kepentingan *al-Syura* dalam konsep pengurusan ialah amalan *syura* menjadikan keputusan yang dibuat menjadi lebih baik berdasarkan keputusan yang dibuat oleh majoriti ramai yang mana ianya lebih baik daripada pandangan seorang individu. Keputusan yang dibuat oleh ahli *al-syura* dibuat hasil daripada perbincangan yang matang dan mendalam dalam sesebuah isu.

Prinsip *syura* merupakan elemen yang penting dalam pengurusan Islam. Melalui kaedah *al-Syura*, kesalahan yang besar dapat dielakkan melalui keputusan yang diputuskan oleh kelompok yang ramai serta dapat mengelakkan daripada kekeliruan semasa perbincangan dilakukan. Menurut Suhana et. al (2015), prinsip *syura* dapat mewujudkan kesan positif yang meliputi sikap kerjasama, memupuk sifat saling bermuafakat, mewujudkan keadilan serta dapat membina kepercayaan yang tinggi dalam kalangan ahli. Hal ini turut dinyatakan oleh al Banna (2006) iaitu *syura* dapat memberikan impak positif terhadap kejayaan dalam sesebuah organisasi pentadbiran serta dapat mencapai matlamat dalam penyatuan kata sepakat berlandaskan al-Quran dan sunnah.

#### **3) *Amanah***

Amanah bermaksud boleh dipercayai, berlaku jujur serta memiliki sifat mahmudah (Solahuddin 2010). Dalam konteks kajian ini amanah berkaitan dengan integriti guru-guru dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah terhadap pengurusan di sekolah. Guru yang berintegriti akan melaksanakan segala tugasannya dengan amanah, ikhlas, jujur dan kasih terhadap para pelajar. Tambahan lagi, guru yang berintegriti dan amanah mempunyai tahap kesabaran yang tinggi dalam menyelesaikan masalah para pelajar (Su'adah, 2014). Disamping itu, prinsip amanah dalam integriti ini dapat membentuk guru-guru yang mempunyai tingkah laku yang baik dan cemerlang.

Menurut Suhana dan Marzuki (2017), prinsip amanah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab menjadi intipati dalam pengurusan Islam di sekolah dalam mewujudkan penghayatan kepimpinan Islam sebagai sebahagian daripada ibadah kepada Allah. Amalan sifat amanah ini akan mewujudkan organisasi pengurusan terutamanya di sekolah bermatlamatkan kejayaan dunia dan akhirat (Abdullah 2015).

## METODOLOGI

### *Rekabentuk Kajian*

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif deskriptif di mana pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dan kaedah analisis dokumen. Menurut Patton (1990), kajian kualitatif deskriptif dapat membantu pengkaji menyiasat isu yang dikenalpasti dengan mendalam dan terperinci bagi mengekalkan keasliannya secara holistik. Kaedah kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar seperti aktiviti yang berlaku dialami dan dilihat dalam suasana yang sebenar terhadap persekitaran lokasi kajian (Yin 1994). Kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan maklumat secara lebih terperinci berkaitan dengan kepentingan prinsip pengurusan Islam dalam urus tadbir di MITS seperti pelaksanaan program-program Islamik, amalan syura dalam pengurusan sekolah serta nilai integriti yang diterapkan dalam kalangan guru di MITS. Manakala bagi kaedah analisis dokumen yang dilaksanakan ini adalah bertujuan bagi memperbanyakkan lagi data temu bual yang dikutip.

Melalui konteks ini, pengkaji menemu bual wakil sekolah yang terdiri daripada beberapa orang pihak tertinggi pengurusan pentadbiran sekolah di dua buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) di sekitar Selangor. Selain itu, pengkaji juga memilih kaedah analisis dokumen bagi membuat penelitian terhadap beberapa dokumen perancangan pengurusan sekolah di MITS bagi mengenalpasti program-program yang menerapkan prinsip-prinsip pengurusan Islam. Tujuan penelitian dokumen ini adalah untuk menyokong dapatan yang sedia ada dan memberi input-input yang diperlukan (Bernard 1988). Catatan lapangan juga dibuat semasa temu bual dijalankan. Rakaman tersebut ditranskrip dan pengkaji menganalisis data tersebut dengan menggunakan kaedah "*pattern matching*" yang berdasarkan tema daripada model integratif guru input dan keluaran (Morris et al 1997).

### *Peserta Kajian*

Kajian ini memilih untuk menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Ini kerana persampelan bertujuan kebiasaanya menggunakan saiz sampel yang kecil bagi membantu pengkaji memahami sesuatu pemerihaln fenomena yang dikaji itu lebih mendalam (Gall et al 2003). Pemilihan peserta bertujuan bagi memberi gambaran dari pelbagai sudut melalui suasana yang dikaji (Barbour 2008). Kajian kualitatif tidak perlu melibatkan populasi yang ramai kerana mempunyai data demografi yang sama (Chua 2006).

Melalui kajian ini, peserta kajian merujuk kepada mereka yang diminta untuk memberi fokus kepada fakta-fakta yang berdasarkan soalan temu bual dan memerlukan peserta kajian tersebut membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks sedia ada (Barbour 2007). Peserta kajian ini terdiri daripada guru penolong kanan pentadbiran, guru penolong kanan tahfiz dan guru kanan mata pelajaran yang menepati ciri-ciri dan kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

1. Pengetua atau penolong kanan sekolah Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) yang dilantik di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

2. Guru tahfiz di sekolah Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) dalam bidang al-Quran wal qiraat.

### ***Kesahan Dan Kebolehpercayaan***

Setiap kajian yang dilakukan perlu dinilai dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan dan kebolehpercayaan dibina berdasarkan protokol kajian, proses pengumpulan data, analisis dokumen yang tepat dan jelas serta sejauhmanakah kajian ini disokong oleh data yang diperolehi. Kesahan merujuk kepada sejauhmanakah ketetapan sesuatu ukuran itu dapat diukur (Siti Rahayah, 2008). Manakala kebolehpercayaan pula dapat difahami bahawa sejauhmanakah ketekalan atau konsistennya sesuatu pengukuran itu setiap kali digunakan dengan cara yang sama (Jackson, 2003).

Dalam kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan yang dibincangkan ini melibatkan data-data kualitatif yang menggunakan instrumen kajian seperti temu bual dan analisis dokumen. Pengkaji telah menggunakan rakaman berbentuk rakaman suara dan ia hanya dirakam setelah pengkaji mendapat keizinan daripada peserta kajian bagi mengelakkan pelanggaran etika dalam kajian. Selain itu, pengkaji turut menjalankan kaedah analisis dokumen sebagai usaha dalam menjalankan triangulasi. Analisis dokumen dibuat terhadap beberapa dokumen perancangan program dan aktiviti di MITS bagi menyokong dapatan data yang diperolehi daripada temubual.

Kajian ini turut melibatkan kajian rintis yang dilaksanakan sebelum memulakan kajian sebenar. Hal ini adalah bagi membantu pengkaji mengenalpasti masalah yang mungkin akan timbul semasa menjalankan kajian lapangan. Tambahan lagi, pengkaji juga dapat mengambil langkah yang tertentu dalam memastikan kajian yang dilaksanakan ini dapat dilakukan dan disempurnakan dengan lebih baik (Dey 1993). Fasa kajian rintis ini telah dilaksanakan di salah sebuah MITS di sekitar Selangor yang bukan dari sampel sebenar kajian. Selepas mendapatkan kebenaran, pengkaji telah menemubual wakil daripada MITS tersebut. Setelah itu, beberapa penambahbaikan protokol temubual telah dilakukan hasil daripada dapatan kajian rintis yang telah dilaksanakan.

### ***Prosedur Pengumpulan Data***

Kajian ini bermula dengan aktiviti pra kajian iaitu dengan memohon kebenaran daripada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Bahagian Pendidikan Islam JAIS. Selain itu, pengkaji juga turut memohon kebenaran kepada pihak sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Setelah kebenaran diperolehi, pengkaji menghadirkan diri ke sekolah bagi mendapat dapatan data kajian. Data telah diperolehi melalui kaedah temubual separa berstruktur dan analisis dokumen. Semasa temu bual dijalankan, perakam suara digunakan bagi merekod perbualan di antara pengkaji dan peserta kajian. Pengkaji telah menemu bual wakil dari pihak pengurusan pentadbiran MITS di sekitar Selangor bagi mendapatkan data mengenai program, aktiviti atau kursus mengenai penerapan prinsip pengurusan Islam dengan lebih mendalam bagi mengukuhkan dapatan yang sedia ada.

Peserta kajian iaitu guru penolong kanan pentadbiran dan guru penolong kanan tahfiz ditemu bual bagi tiga tujuan iaitu mengenalpasti program dan aktiviti yang menerapkan prinsip pengurusan Islam dalam pentadbiran sekolah. Tujuan yang kedua pula adalah bagi mengenalpasti amalan syura yang diterapkan dalam pengurusan urus tadbir di sekolah manakala tujuan ketiga adalah memahami usaha pihak pengurusan sekolah dalam meningkatkan integriti guru di MITS. Catatan dokumen juga turut dilakukan di mana mengandungi isi perbualan serta gambaran daripada peserta kajian.

Selepas itu, pengkaji turut melaksanakan analisis dokumen bagi melihat kertas kerja atau minit mesyuarat yang menjalankan program penerapan nilai Islam di MITS Selangor. Pengkaji turut meneliti keadaan dan interaksi, sebab dan akibat serta proses yang terdapat dalam keseluruhan data kajian. Tema-tema yang berkaitan ini dikumpulkan bersama dan pengkaji memaparkan kategori dan tema

tersebut bagi menghasilkan gambaran daripada keseluruhan interaksi di antara tema yang dibina. Selain itu, dokumen ini juga dapat membantu pengkaji dalam mengenalpasti keberhasilan prinsip pengurusan Islam yang diguna pakai oleh pihak pengurusan urus tadbir MITS. Tujuan ini adalah bagi menyokong dapatan kajian yang sedia ada.

### ***Analisis Data***

Analisis data merupakan proses kompleks yang melibatkan pertimbangan antara data yang konkrit dengan konsep abstrak, antara penaakulan induktif dan deduktif, antara deskripsi (Merriam, 2001). Melalui penyelidikan kajian ini, proses penganalisan data turut dijalankan sebaik sahaja aktiviti pengumpulan data itu bermula. Setelah menjalankan kaedah temu bual pertama dan membaca dokumen kali pertama adalah merupakan titik permulaan analisis data kualitatif (Merriam 1998). Proses ini dilakukan secara berterusan dan serentak dengan aktiviti pengumpulan data kajian.

Pengkaji telah memulakan proses analisis data kajian dengan menganalisis data temu bual dan dokumen yang telah dikumpul. Pengkaji membaca dengan teliti bagi mengenalpasti pola, tema dan kategori yang berkaitan dengan perkara yang perlu dikaji dengan menggunakan perisian aplikasi Nvivo 12 Pro. Data ini telah di reduksi, dikaji serta diberikan kod-kod yang bersesuaian berdasarkan matlamat serta persoalan kajian. Pengkaji membuat pengekodan terbuka (*Open Coding*) terhadap data yang dikumpul. Proses tersebut merupakan proses bagi memecahkan, memeriksa, membanding dan mengkategorikan data. Proses pengekodan terbuka ini menghasilkan konsep yang kemudiannya dikumpulkan menjadi kategori.

Setelah itu, pengkaji menggunakan pengekodan axial (*Axial Coding*) yang mana ia merupakan satu set prosuder yang datanya dikumpulkan semula dalam bentuk dan cara yang baru selepas pengekodan terbuka dilakukan dengan membuat perkaitan antara kategori. Pengkaji seterusnya akan membandingkan data yang diperolehi dengan kerangka konseptual bagi membentuk tema dan kategori yang menentukan data tersebut telah mencukupi bagi menyokong interpretasi yang dibuat.

Seterusnya, pengkaji menganalisis dokumen yang digunakan dalam menguruskan dan mentadbir organisasi sekolah bagi tujuan untuk membuat perbandingan mengenai kandungan dan sifatnya dengan data temu bual. Hal ini kerana, dokumen yang digunakan dalam proses yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran di sekolah adalah merupakan kaedah bagi mendapatkan data seterusnya akan menyokong maklumat yang diperolehi daripada temu bual dan analisis dokumen bagi tujuan triangulasi data (Merriam 1998). Data analisis dokumen digunakan bagi memperkayakan kajian kualitatif ini secara triangulasi dengan sumber lain bagi mendapatkan kebolehpercayaan kajian (Merriam 1998; Patton 1990).

### **DAPATAN KAJIAN**

Bagi menjawab soalan kajian 1, beberapa tema dan sub tema telah dikenalpasti. Hasil dapatan kajian ini diperolehi daripada dua orang peserta kajian yang telah ditemu bual. Bagi memudahkan untuk proses menjelaskan data daripada GPK, pengkaji mengkodkan setiap peserta kajian dengan nama yang kursus seperti peserta kajian 1 diringkaskan kepada PK 1 dan peserta kajian 2 sebagai PK 2.

### ***Program Penerapan Nilai Islam di Sekolah***

Prinsip pengurusan Islam dalam pengurusan urus tadbir sekolah adalah sangat penting bagi tujuan melancarkan sistem pendidikan dalam negara. Hal ini dapat meningkatkan pembangunan nilai insan dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam kalangan ahli organisasi pengurusan sekolah. Pelbagai



program penerapan nilai Islam yang dilaksanakan di MITS secara tidak langsung menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri guru-guru, kakitangan dan seluruh warga MITS. Subema yang ditemui bagi program-program penerapan nilai Islam di sekolah ialah program kerohanian sekolah, tazkirah jumaat, program tafaqquh, aktiviti solat berjemaah serta program Quran *hour*.

#### (1) Program Kerohanian Sekolah

Sebagai sebuah sekolah agama tahfiz yang menitik beratkan tentang keagamaan, ini tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai program dan aktiviti yang diadakan bagi menerapkan prinsip dan nilai Islam dalam diri semua ahli organisasi pentadbiran sekolah termasuk program-program yang melibatkan kerohanian terhadap pelajar. Hal ini telah dinyatakan oleh PS1 seperti berikut:

*“Kita pun ada rutin-rutin yang memang kita amalkan contohnya macam setiap hari ... kalau tak dak covid ni lah setiap jumaat dalam perhimpunan kita akan memulakan bacaan surah kahfi sepuluh ayat awal, dan selang-selang sepuluh ayat akhir, sepuluh ayat awal macam tu lah”*

#### (2) Tazkirah Jumaat

Bagi pelajar perempuan pula, setiap hari jumaat kesemua guru perempuan di MITS akan bergilir-gilir bagi memberikan tazkirah jumaat sebelum menunaikan solat zohor sementara pelajar lelaki di sekolah tersebut menunaikan solat jumaat di masjid yang berhampiran dengan sekolah. Hal ini telah digambarkan dengan pernyataan seperti berikut oleh PK1:

*“setiap hari jumaat juga kalau untuk pelajar perempuan setiap guru-guru ni akan bergilir untuk bagi macam tazkirah untuk pelajar-pelajar perempuan. Ya lah sebab pelajar lelaki pergi solat jumaat. Jadi kami semua ada giliran sendiri lah”*

#### (3) Program Tafaqquh

Bagi memberi kesan yang baik kepada pembentukan watak dalam diri seseorang, prinsip ubudiyah perlu diaplikasikan dalam diri individu. Oleh itu, pihak pengurusan sekolah mengambil inisiatif penting dengan mengadakan program tafaqquh di mana program tersebut dapat menjadikan setiap ahlinya memperbaiki hubungan dengan Allah dan secara tidak langsung turut memperbaiki hubungan semasa makhluk. Antara yang dinyatakan oleh PK2 adalah:

*“Pengetua akan menggerakkan program tafaqquh bersama mereka. Biasanya dalam sejam benda tu akan ambik masa staff untuk baca yasin, atau pun buat program tafaqquh baca kitab aaa baca kitab lah selalunya”*

#### (4) Aktiviti Solat Berjemaah

Selain itu, pihak JAIS telah mengeluarkan arahan melalui surat pekeliling bagi menunaikan solat jemaah bersama. Justeru itu, pihak pentadbiran di kesemua MITS sentiasa cakna tentang program ini dan sentiasa memberikan peringatan dari masa ke semasa tentang setiap arahan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pernyataan ini telah disokong oleh PK 1 seperti berikut:

*“Jadi kalau macam arahan daripada pihak JAIS tu macam contoh yang baru-baru ni di keluarkan arahan mengenai menunaikan solat. Memang ada, ni dari pihak pengurusan tertinggi JAIS. Di keluarkan pekeliling pada menyatakan mengenai menunaikan solat macam tu. Maknanya memang ada”*

#### (5) Program Quran Hour

Pihak JAIS juga turut mengeluarkan arahan bagi mengadakan program Quran *Hour* dengan penglibatan para pelajar, guru-guru serta keseluruhan kakitangan pentadbiran sekolah. Ini dapat dilihat melalui pernyataan berikut:

*“Selain itu, jabatan sendiri mengeluarkan lah arahan-arahan yang berkaitan seperti Quran hour. Dia adalah lah bagi arahan. Jadi guru-guru akan mengarahkan semua pelajar. Aaa bukan guru-guru, semua murid dan kakitangan lah akan melaksanakan apa yang di arahkan oleh jabatan”*

#### (6) Program Wacana Minda

Selain itu, pihak sekolah juga mengadakan program wacana minda dimana program ini akan memberi ruang kepada guru-guru untuk menyampaikan tazkirah pendek secara bergilir-gilir. Melalui wacana minda ini juga, para guru turut diberi ruang untuk memberi pandangan dan pendapat masing tentang segala isu yang timbul. Ini dapat dilihat melalui kenyataan oleh PK2 seperti berikut:

*“Kita setiap hari selasa kita ada yang disebutnya wacana minda. Setiap selasa pukul 12.50 sehingga selesai lah. So pukul 12.50 ni setiap guru ni kita akan sama-sama aaa dia ada ganti tau. Kita akan bagi tazkirah, sebab wacana minda ni antara guru-guru saja. Jadi pukul 12.50 tu kita kumpul macam kita nak meeting. So kita kumpul, lebih kurang sebelum kita mula majlis tu, kita ada giliran untuk bagi tazkirah lah. Tazkirah ni tak semestinya sudut agama, mungkin daripada contohnya cikgu sains bagi daripada sudut kesihatan, aaa macam tulah”*

Daripada analisis dokumen juga, dapat dilihat melalui bahan-bahan edaran atau memo arahan semasa peserta kajian yang menghadiri kursus atau mesyuarat dari pihak jabatan mahupun kertas kerja program yang berkaitan dengan aktiviti dan program penerapan dan penghayatan nilai-nilai Islam. Oleh itu, dokumen seperti ini adalah salah satu sumber paling asas yang terhasil secara semula jadi yang terdapat dalam realiti sebenar di sekolah kerana jarang dokumen-dokumen ini dihasilkan melalui proses penipuan.

#### ***Amalan Syura Dalam Urus Tadbir Di Sekolah***

Bagi menguruskan program dan aktiviti Islamik di MITS, amalan sistem syura dalam kalangan organisasi urus tadbir di sekolah adalah sangat penting bagi kelancaran sesuatu program. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam proses syura seperti melalui perbincangan dalam mesyuarat bagi menentukan sesuatu keputusan itu dipercayai dan dapat memberikan impak yang besar dalam aspek pelaksanaan pengurusan urus tadbir di sekolah. Amalan syura ini juga turut di bentuk melalui jawatankuasa syura yang terdiri daripada pihak pentadbir dan setiausaha unit. Jawatankuasa unit syura ini ditubuhkan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan permasalahan dan isu-isu yang timbul di sekolah.

#### (1) Perbincangan Melalui Mesyuarat

Amalan perbincangan sering kali diadakan apabila sesuatu keputusan itu ingin diputuskan. Ianya tidak hanya ditentukan oleh satu pihak sahaja akan tetapi ianya hasil daripada perbincangan dan keputusan daripada semua pihak yang terlibat dalam perbincangan tersebut melalui sistem amalan syura. Hal ini dapat dibuktikan oleh PS2 seperti berikut:

*“Sepanjang saya dekat sini ni alhamdulillah lah. Semuanya memang berdasarkan keputusan-keputusan mesyuarat tu memang itu lah yang dijalankannya. Cuma mungkin kadang-kadang tertakluk kepada permindaan tu lah”*

Kebiasaanya perbincangan melalui amalan syura melalui dua jenis mesyuarat iaitu mesyuarat skala kecil dan mesyuarat sekala besar. Mesyuarat secara kecil ini hanyalah melibatkan perbincangan melalui kelompok-kelompok kecil sahaja yang terdiri daripada dua atau tiga orang ahli. Manakala mesyuarat skala besar merupakan mesyuarat yang diwakili oleh setiap unit seramai lima orang atau lebih. Ini bertepatan dengan kenyataan daripada PK 2 iaitu:

*“Biasanya mesyuarat skala kecil ni adalah kelompok-kelompok lah. Ada tu kadang-kadang dia kadang-kadang kita panggil tu perbincangan lah. Kadang-kadang tu kebetulan pentadbiran duduk bertiga, berempat dan berlima sebagainya kita terus discuss dalam tu. Jadi saya tak nafikan memang perkara ni memang berlaku”*

## (2) Jawatankuasa Unit Syura

Jawatankuasa unit syura ini ditubuhkan bagi membincangkan pelbagai perkara yang berkaitan dengan permasalahan dan isu-isu yang timbul di sekolah. Melalui amalan sistem syura ini, interaksi dua hala akan berlaku di antara pihak atasan pentadbiran dan guru-guru dibawah kelolaan mereka. Ini dibuktikan lagi dengan temu bual bersama PK1 seperti berikut:

*“Kita akan membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan aaa dengan masalah di sekolah la. Biasanya masalah tu kita bincangkan secara bersama sebab S/U unit dia lebih mahir kepada unit masing-masing”*

Melalui amalan syura ini, interaksi dua hala akan berlaku di antara pihak atasan pentadbiran dan guru-guru dibawah kelolaan mereka. Amalan syura ini juga sedikit sebanyak dapat mengelakan pihak pentadbir atau seseorang ketua itu bertindak dalam membuat keputusan secara autokratik mahupun individual. Ini dapat dilihat melalui kenyataan seperti berikut:

*“Jadi bila dia merancang untuk unit dia kadang-kadang dia terlupa apa perasaan unit yang lain kan. Jadi bila kita bincangkan perkara itu di peringkat syura jadi mereka akan mengolah semula perkara-perkara yang mereka telah rancang supaya bersesuaian dengan unit-unit yang lain”*

Secara umumnya, setiap keputusan yang dibuat oleh setiap ahli organisasi pentadbiran sekolah akan menjadikan keputusan itu dibuat dengan lebih baik dan adil. Ini kerana ianya berdasarkan keputusan majoriti ramai berbanding daripada keputusan yang dibuat secara individu.

## ***Penerapan Nilai Integriti***

Bagi menjamin pembentukan insan yang berakhlak mulia dan beretika, setiap individu itu perlu mempunyai nilai integriti yang tinggi. Kemenjadian bagi sesebuah institusi pendidikan itu bergantung kepada nilai integriti yang terdapat dalam diri setiap pentadbir, guru-guru mahupun kakitangan sekolah. Sesebuah organisasi pentadbiran yang mempunyai nilai integriti yang tinggi mampu meningkatkan tahap kecemerlangan dalam sesebuah institusi pendidikan di era globalisasi ini. Antara subtema yang dapat disimpulkan dari temubual adalah melalui sistem I-HES, polisi daripada pihak JAIS, perakam waktu, dan pengurusan sumber kewangan sekolah.

### (1) Sistem I-HES

Pihak JAIS telah memperkenalkan sistem I-HES iaitu *integrated holistic education system*. Sistem I-HES ini dapat membantu para guru dalam melaksanakan tugas kerja harian mereka dengan lancar dan sistematik. Hal ini dapat dilihat melalui temu bual bersama PK 1 seperti berikut:

*“JAIS memperkenalkan dalam sistem I-HES, integrated holistic education system. So itu yang antaranya membantu lah. membantu untuk mengarahkan guru-guru sebab setiap guru-gru yang datang ke MITS ni kita memang ada khusus tertentu lah untuk I-HES ni”.*

### (2) Polisi JAIS

Pihak JAIS sendiri mempunyai dasar dan polisi yang ditentukan bagi meningkatkan nilai amanah dalam diri setiap ahlinya. Justeru itu, pihak pengurusan JAIS amat menekankan tentang konsep pelepasan

waktu guru. Kesemua guru dan kakitangan pentadbiran tidak dibenarkan keluar sekolah sewaktu sesi persekolahan sekolah sedang berlangsung tanpa alasan yang kukuh. Konsep pelepasan waktu guru ini dibuktikan dengan kenyataan daripada PK 1 iaitu:

*“polisi itu kita akan ambil maklumat-maklumat daripada pihak JAIS lah. Dari pihak JAIS kalau integriti ni memang mereka selalu mengingatkan lah. Antara benda-benda yang sedang cikgu perasan lah dan yang selalu dingatkan adalah waktu minum. Tapi macam kita disini, kita tak da waktu minum yang jelas lah, cuma diperingkat pentadbiran kita buat arahan guru-guru kalau nak makan pun kat dalam ni. Tidak boleh keluar medan dan sebagainya”.*

### (3) Perakam Waktu

Selain itu juga, pihak pentadbiran sekolah sering kali diingatkan mengenai kad perakam waktu atau lebih dikenali sebagai *punch card*. Hal ini akan disemak oleh pihak pentadbir sekolah sekurang-kurangnya dua kali dalam masa sebulan bagi mengelakan guru-guru dan kakitangan datang lambat dan seterusnya akan melanggar etika kehadiran waktu sekolah. Ini dapat dilihat melalui kenyataan oleh PK 2 seperti berikut:

*“Kemudian yang ketiga macam contoh cuti. Kadang-kadang mereka ada ambil cuti rehat khas. Ada cuti rehat dan sebagainya. Kita menggunakan kawalan berdasarkan pekeliling yang ada. Maka dia sepatutnya cuti-cuti yang hanya dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu”*

### (4) Pengurusan Sumber Kewangan Sekolah

Pihak pengurusan sekolah juga turut memastikan setiap ahli organisasi sekolah beramanah dan bertanggungjawab ketika menguruskan tatacara pengurusan pendapatan dan perbelanjaan sekolah. Ini dapat dibuktikan oleh PK 1 seperti berikut:

*“Hal-hal kewangan ni kita akan sebut dalam sesi pembacaan. Pembacaan tatacara pengurusan kewangan. Jadi kita ambil peluang tu untuk guru-guru sama-sama talaqi lah. Talaqi bermaksud mungkin ada sorang ni dia akan membaca apakah keterangan yang ada dalam buku tu. Aaa sebab antara perkara kadang yang dihighlightkan adalah mengenai kewangan. Kewangan tu juga sebahagian daripada aspek integriti, jadi kewangan ni pun kita titikberatkan, kita buat pembacaan supaya guru-guru tahu sebenarnya macam mana flow dia. Apa benda yang berlaku”.*

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian secara jelas menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai pengetahuan mengenai jenis prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam urus tadbir di MITS. Sistem prinsip pengurusan Islam adalah bersifat menyeluruh serta sesuai di amalkan mengikut tempat, masa, suasana dan zaman. Menurut Syahir, Wan Fariza & Kamaruddin (2016), bagi membentuk persekitaran suasana yang Islamik dalam pengurusan urus tadbir sekolah, pembangunan sumber manusia menjadi fokus utama kepada penerapan prinsip nilai Islam dalam struktur organisasi sekolah kerana setiap ahli organisasi dalam pentadbiran sekolah adalah penentu serta kayu ukur kepada keupayaan pengurusan Islam dalam urus tadbir sekolah itu dibina.

Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyediakan beberapa program dan kursus kepada guru-guru di MITS bagi meningkatkan profesionalisme mereka seiring dengan penerapan prinsip nilai-nilai Islam. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh NurShahiza et.al (2014) iaitu matlamat dan hala tuju organisasi sekolah perlu seiring dengan konsep pengabdian diri kepada Allah. Bagi mencapai matlamat dan hala tuju tersebut perlu mengambil kira

tentang prinsip dan nilai Islam yang menjadikan setiap ahli organisasi fokus bagi mematuhi segala arahan dan tegahan dalam Islam.

Selain itu, cara dan kaedah yang digunakan bagi mencapai matlamat organisasi sekolah selari dengan konsep tauhidik yang menerapkan tauhid ubudiyah kepada Allah. Sistem pengurusan yang diikat dengan konsep tauhidik yang berteraskan keimanan dan keteguhan yang teguh hanya kepada Allah dan Rasul akan berlaku dengan lancar dan berkualiti (Wan Liz, 1996). Bagi menjadikan setiap warga sekolah yang taat pada perintah Allah, konsep ubudiyah perlu diterapkan dalam diri mereka agar segala perkara yang boleh menimbulkan masalah akan diselesaikan dengan cara yang berhikmah.

Pengurusan organisasi pentadbiran sekolah yang mantap seharusnya dilakukan secara muafakat dan berkumpul serta perlu melibatkan seluruh ahli dalam semua aspek yang menjuruskan kepada kecemerlangan organisasi serta peningkatan komitmen dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Kecemerlangan bagi pengurusan urus tadbir sekolah adalah dengan menitik beratkan amalan syura agar wujudnya komitmen kerja yang cemerlang dalam meningkatkan prestasi pendidikan yang lebih berkesan (Lokman&Anuar 2011). Amalan syura merupakan amalan kepimpinan Rasulullah SAW yang sentiasa melakukan perbincangan secara formal mahupun tidak formal.

Proses amalan syura ini mengutamakan hubungan baik diantara sesama ahli organisasi, mewujudkan kesefahaman yang lebih baik dan berintegriti serta dapat membina semangat kekitaan tanpa tekanan dan paksaan dalam mengutarakan pandangan dan pendapat masing-masing dala perbincangan sesama ahli organisasi (Suhana 2017). Oleh itu, amalan syura ini akan mewujudkan suasana kerja yang baik serta dapat menerapkan kerohanian menurut tuntutan Islam dalam memastikan peningkatan prestasi pengurusan pendidikan mencapai matlamat sepenuhnya.

Bagi menghasilkan sistem pengurusan urus tadbir yang baik, penerapan nilai integriti dalam jiwa setiap daripada organisasi sekolah penting dalam memastikan mereka sentiasa melaksanakan tugas dengan sistematik, berintegriti serta membina kecemerlangan yang berkualiti. Ini dapat dilihat apabila pihak JAIS mengeluarkan beberapa pekeliling sebagai panduan kepada pihak pentadbir dan guru-guru di MITS. Pihak JAIS sendiri mempunyai polisi dan dasar yang perlu di patuhi oleh setiap warga sekolah.

Hal ini bertepatan dengan pendapat Su'adah (2014) iaitu integriti ini perlu dilihat sebagai salah satu komitmen terhadap prinsip moral yang tinggi bagi memikul dan melaksanakan tugas sama ada di peringkat individu mahupun organisasi. Penerapan nilai integriti dalam pengurusan urus tadbir di sekolah menuntut pihak atasan pentadbiran bertindak sebagai *role model*. Pihak pentadbir perlu mempunyai matlamat yang jelas dan dikongsi bersama warga sekolah yang lain.

Menurut Salmezi (2013), guru yang berintegriti akan menzahirkan segala nilai-nilai integriti dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) dan juga di luar waktu pdpc. Secara ringkasnya, konsep integriti ini menggambarkan bahawa manusia yang memiliki insaf ketuhanan yang tinggi akan sentiasa menjadikan Allah sebagai sumber utama untuk membina dan menjaga tingkah laku peribadi, dan amal perbuatan kerana nilai integriti ini berkaitan dengan manusia sahaja.

Analisis yang dijalankan mendapati bahawa guru yang memegang jawatan sebagai Penyelaras Pusat Sumber menggunakan paling panjang untuk menjalankan tugas. Ini menyebabkan mereka diberikan masa mengajar pada 6 hingga 8 waktu sahaja seminggu berbanding guru lain seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 03 / 2005. Namun untuk jawatan lain iaitu Penyelaras SPBT, Ketua Panitia, Penyelaras ICT dan Guru Kelas yang juga menggunakan masa yang panjang untuk dilaksanakan tugasnya, tiada garis panduan khusus yang menghadkan masa mengajar dan mereka masih perlu menjalankan PdPc antara 22 hingga 30 waktu (11 hingga 15 jam) seminggu seperti guru yang memegang jawatan lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2007.

## KESIMPULAN

Melalui keseluruhan kajian, ini dapat disimpulkan bahawa pihak pengurusan sekolah telah berjaya menerapkan prinsip pengurusan Islam dalam urus tadbir di sekolah bagi memastikan perjalanan sistem organisasi pentadbiran sekolah berjalan dengan lancar dan teratur. Hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa MITS telah berusaha ke arah mewujudkan sistem pengurusan pendidikan yang baik dan sistematik. Ini tidak hanya memastikan kelincinan perjalanan pentadbirannya, akan tetapi dapat menghasilkan para pelajar yang boleh dan mampu untuk memenuhi kehendak pasaran kini. Sekiranya prinsip-prinsip pengurusan Islam ini dapat dilaksanakan secara holistik dan menyeluruh, akan terdapat banyak faedah dan kebaikan yang diperolehi sama ada secara fizikal mahupun kerohanian.

Secara tidak langsung, matlamat pengakhiran kehidupan ini juga turut tercapai dalam mendapatkan keredhaan dan keharmonian dalam kehidupan. Pemeraksanaan institusi pendidikan ini perlu meliputi kepelbagaian aspek yang berkaitan dengan aspek integriti, amalan syura dan akauntabiliti. Kesimpulannya, semua pihak yang berkaitan perlu mengambil inisiatif dalam menggembling usaha yang berpatutan dalam memperkasakan lagi kualiti pengurusan Islam dalam pendidikan bagi meningkatkan kecekapan terhadap pengurusan Islam di MITS ke arah merealisasikan matlamat untuk memperkenalkan lagi MITS sebagai institusi pendidikan tahfiz yang unggul dan cemerlang.

## RUJUKAN

- Abdul Kudus, A. (2007). *Kepimpinan transformasi dan hubungannya dengan kepuasan kerja dan motivasi guru*. Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Pendidikan Universiti Sains Malaysia: Tidak diterbitkan.
- Abdullah, A. (2002). *Syura prinsip utama sistem pemerintahan Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdullah, I. (2015). Kepimpinan yang berkesan. *Jurnal Akademik (2003/2004)*, 14, 92-96.
- Ahmad Ibrahim, A. (1991). *Pengurusan dalam Islam*. (N. Abd Rashid, & K. Jusoh, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azarudin, A., & Azam, C. (2012). Sebuah sorotan sumber pengurusan Islam. *Jurnal Peradaban*, 72-93.
- Azlina, M. (2008). Pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja dan stress guru. *Jurnal Teknologi*, 48(6), 33-47.
- Chen, S. H., Yang, C. C., Shiau, J. Y., & Wang, H. H. (2006). The development of an employee satisfaction model for higher education. *The TQM Magazine*, 18(5), 484-500.
- Gall, M. D., Gall, J. P., & Borg, W. R. (2003). *Educational Research: An Introduction (7th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Hasan Al-Banna, M., Siti Arni, B., & Ab Mumin, A. (2013). Sistem pengurusan Islam yang berkualiti mampu menjamin kepuasan pekerja: suatu realiti dan cabaran masa hadapan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1), 67-84.
- Ismail, S. (2009). Pembentukan organisasi cemerlang: Pandangan Islam dalam melantik pemimpin. *Jurnal Usuluddin*, 207-220.
- Lokman, M., & Mohd Anuar, A. (2011). *Orientasi kepimpinan pengetua sekolah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research: A guide to design and implementation 3rd edition*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Merriam, S. M. (2001). *Qualitative research and case study applications in education revised and expanded from case study research education*. San Francisco: Jossey- Bass Publishers.
- Morphet, E., Johns, R., & Reller, T. (1982). *Educational organizational and administration: concepts, practices and issues*, Prentice-Hall. Englewood Cliff: New Jersey.

- Morsidi, S., Mansor, M., & Molly, N. L. (2004). *Jurnal kajian integrasi etnik di institusi pengajian tinggi awam*.
- Muhammad Syahir, A., Wan Fariza, W. W., & Kamaruddin Salleh. (2016). Pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia: Sumbangan terhadap pembangunan politik, ekonomi dan sosial. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 313-325.
- Noor Hisham, M., Nur Azuki, Y., Mohd Binyamin, C., & Nasrun Hakim, S. (2014). Matlamat dan halatuju sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan: Satu pengamatan awal. *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education*, 1-15.
- Noor Su'adah, M. (2014). *Integriti guru dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah rendah luar bandar Kulajaya*. Skudai, Johor: UTM.
- Nurshahiza, M., Asmahan, M., & Norni, A. (2014). *Pengurusan dalam Islam*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Latihan Kerjaya Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. London: SAGE Publication.
- Sabitha, M. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Pearsin Prentice Hall.
- Salmezi, M. (2013). *Integriti guru dalam penilaian murid berasaskan kurikulum standard sekolah rendah di Taman Universiti Skudai Johor Baharu*. Skudai Johor Baharu: Fakulti Pendidikan, UTM. Tidak diterbitkan.
- Siddiq, F. (2005). *Pengurusan dalam Islam menghayati prinsip dan nilai murni*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM.
- Solahuddin, I. (2015). *Pembangunan dan perubahan Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Kajian Kes di Kedah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhana, A., & Ahmad Marzuki, M. (2017). Amalan syura dalam kalangan kepimpinan pendidikan berasaskan konsep amanah. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 93-101.
- Suhana, A. (2017). *Amalan syura dalam kepimpinan guru besar dan hubungannya terhadap komitmen kerja guru*. Ijazah Sarjana Falsafah. UTM Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Suharto, D. U. (2000, Disember 28). Latar belakang dan perkembangan pengurusan Islam.
- Wan Liz, O. (1996). *Pengurusan Islam Abad ke 21*. Utusan Publication.